

# CLOSTEN CREAM

Clotrimazole (1% w/w)

Risalah Maklumat Ubat untuk Pengguna (RiMUP)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Closten Cream
2. Bagaimana Closten Cream berfungsi
3. Sebelum menggunakan Closten Cream
4. Cara menggunakan Closten Cream
5. Semasa menggunakan Closten Cream
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Closten Cream
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemas kini RiMUP

## Apakah kegunaan Closten Cream

Closten Cream digunakan untuk rawatan jangkitan kulat pada kulit, di bahagian dalam paha, atau kaki dan yis seperti kandidiasis.

## Bagaimana Closten Cream berfungsi

Closten Cream mengandungi clotrimazole, iaitu ubat antikulat. Clotrimazole bertindak pada membran sel kulat dan membunuh kulat yang menyebabkan jangkitan.

## Sebelum menggunakan Closten Cream

**- Bila tidak boleh menggunakan**  
Jangan gunakan Closten Cream jika anda alah kepada clotrimazole atau mana-mana bahan lain yang terkandung dalam ubat ini. (disenaraikan dalam Maklumat lanjut)

### **- Sebelum menggunakan Closten Cream**

**Mengandung dan menyusukan anak**  
Sila dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi anda jika anda mengandung, merancang untuk mengandung atau sedang menyusukan anak sebelum menggunakan sebarang ubat.

**- Jika mengambil ubat-ubat lain**  
Beritahu doktor jika anda menggunakan sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya, atau kedai makanan kesihatan.

## Cara menggunakan Closten Cream

**- Berapa banyak harus digunakan**  
Untuk kegunaan luaran sahaja. Sapukan krim secukupnya pada

kawasan kulit yang dijangkiti. Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda. Ia mungkin berbeza dari maklumat di dalam risalah ini. Jika anda tidak memahami arahan pada label ubat anda, sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi.

### **- Bila perlu digunakan**

Sapukan dua kali sehari, pada waktu pagi dan malam atau ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda.

### **- Berapa lama perlu digunakan**

Sapukan krim ini dalam tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.

### **- Jika anda terlupa menggunakannya**

Sapukan dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos yang tertinggal dan kemudian teruskan menyapu ubat mengikut jadual seperti biasa. Jangan sapukan dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

### **- Jika menggunakannya secara berlebihan (terlebih dos)**

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika tersapu krim berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

## Semasa menggunakan Closten Cream

### **- Perkara yang perlu dilakukan**

- Basuh tangan sebelum dan selepas menggunakan krim ini.
- Bersihkan dan keringkan bahagian yang dijangkiti sebelum menyapukan krim.
- Maklumkan kepada semua doktor dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan Closten Cream.
- Beritahu doktor anda dengan segera jika anda mengandung semasa menggunakan ubat ini.

### **- Perkara yang tidak boleh dilakukan**

- Jangan berhenti menggunakan ubat ini walaupun simptom bertambah baik.
- Jangan mengambil sebarang ubat baharu tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.
- Jangan berkongsi Closten Cream dengan sesiapa, walaupun mereka

mempunyai simptom atau keadaan yang sama dengan anda.

### **Perkara yang perlu diberi perhatian**

Untuk kegunaan luar sahaja.

Elakkan terkena mata.

Rujuk doktor jika tidak ada sebarang perubahan selepas empat minggu rawatan.

### **Kesan-kesan sampingan**

Seperti semua ubat-ubatan, Closten Cream boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun tidak semua orang mengalaminya.

Ia boleh menyebabkan reaksi hipersensitiviti yang termasuk ruam kulit, kegatalan, melepuh, rasa terbakar, kulit mengelupas, kemerahan, pedih, bengkak, atau tanda kerengsaan kulit lain yang tidak ada sebelum rawatan.

Hentikan penggunaan dan jumpa doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan selepas menggunakan ubat ini.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web [npra.gov.my](http://npra.gov.my) [*Consumers* → *Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)*].

## Cara penyimpanan dan pelupusan Closten Cream

### **- Penyimpanan**

Simpan di bawah suhu 30°C di tempat yang kering dan dingin. Lindungi daripada pembekuan dan cahaya. Jauhi ubat daripada kanak-kanak. Pastikan ubat tertutup rapat.

### **- Pelupusan**

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

## Maklumat lanjut

### **- Rupa dan warna produk**

Krim licin berwarna putih.

# CLOSTEN CREAM

Risalah Maklumat Ubat untuk Pengguna (RiMUP)

Clotrimazole (1% w/w)

---

- Bahan- bahan kandungan

-Bahan aktif

Clotrimazole

-Bahan tidak aktif

Cetomacrogol 1000, Cetostearyl Alcohol, Liquid Paraffin, White Soft Paraffin, Chlorocresol, Sodium Phosphate Monobasic, Purified water

- Nombor MAL

MAL19992759XZ

**Pengilang**

Noripharma Sdn. Bhd.  
Lot 5030, Jalan Teratai,  
5 1/2 Miles off Jalan Meru,  
41050 Klang, Selangor Malaysia.

**Pemegang Pendaftaran Produk**

Pahang Pharmacy Sdn. Bhd.  
Lot 5979, Jalan Teratai,  
5 1/2 Miles off Jalan Meru,  
41050 Klang, Selangor, Malaysia

**Tarikh Kemaskini RiMUP**

05/09/2024

**Nombor Siri:**

NPRA(R4/1)250424/00053